

Kerajaan kaji wujudkan Skim Insurans Kebangsaan

KUALA LUMPUR 11 Okt. — Kerajaan sedang mengkaji untuk mewujudkan Skim Insurans Kebangsaan sebagai langkah mengurangkan beban tanggungan kos rawatan dan ubat yang amat tinggi pada masa ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, menerusi skim itu, kos rawatan dan ubat pesakit tidak lagi ditanggung oleh kerajaan sebaliknya oleh syarikat insurans.

Menurut beliau, skim itu akan disasarkan kepada golongan berada yang mampu membiayai kos rawatan dan ubat yang mahal.

“Kita sedang kaji. Saya akan dapatkan taklimat daripada Kementerian Kesihatan berkenaan cadangan ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Hari Penglihatan Sedunia di Menara Berkembar Petronas Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di sini hari ini.

Dr. Mahathir menjelaskan, cadangan untuk mewujudkan skim tersebut dibuat memandangkan kos rawatan dan ubat semakin meningkat setiap tahun.

“Sekarang kita dapati kosnya (rawatan dan ubat) terlalu tinggi. Sekarang ini, kalau batuk kena bagi banyak antibiotik. Satu kapsul harganya RM5 hingga RM10, kita tak mampu nak bagi,” katanya.

Perdana Menteri memberitahu, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM7.55 bilion kepada Kementerian Kesihatan pada Bajet 2003 untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan di negara ini.

Peruntukan tersebut, jelasnya, merupakan peningkatan sebanyak 20 peratus berbanding yang diberikan pada bajet tahun ini.

“Kerajaan mempunyai had untuk belanja. Kita tak boleh nak belanja. Ini pun kita naikkan peruntukan Kementerian Kesihatan sebanyak 20 per-

tus, yang terbesar kita bagi tetapi selalunya tak cukup. Jadi, kita kena ada insurans,” katanya.

Ditanya modul dari negara mana akan menjadi contoh kepada kerajaan untuk melaksanakan skim itu, katanya, Malaysia akan meniru daripada mana-mana negara tetapi bukan Britain.

Ini kerana, jelas beliau, Britain mewajibkan semua rakyatnya tanpa mengira golongan untuk mencarum dalam skim insurans kesihatan kebangsaan negara itu.

Dr. Mahathir menambah, pelaksanaan skim insurans itu nanti bukan bermakna kerajaan tidak lagi memberikan rawatan percuma kepada rakyat.

Menurut beliau, kakitangan kerajaan dan rakyat yang berpendapatan rendah yang terkecuali daripada caruman skim itu tetap menerima rawatan percuma di hospital kerajaan.

“Setakat yang kita mampu, kita akan bagi. Kita tak nak bebankan rakyat. Kakitangan kerajaan memang daripada dulu kita bagi percuma kerana ia sebahagian daripada hak mereka,” katanya.

Selain itu, Perdana Menteri menegur sesetengah golongan kaya dan syarikat besar yang masih menggunakan khidmat hospital kerajaan kerana mahu mendapat rawatan percuma.

“Mereka yang mempunyai wang tak patutlah pergi ke hospital kerajaan. Kadang-kadang kita dapati kilang dengan mudahnya hantar pekerja ke hospital kerajaan. Kilang sepatutnya kena tanggung rawatan ini,” tegasnya.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, skim itu perlu diwujudkan memandangkan jumlah pesakit yang semakin ramai dan kos rawatan yang meningkat setiap tahun.

Keadaan sekarang, katanya, berbeza dengan zaman British apabila penjajah mampu memberi percuma perkhidmatan rawatan dan ubat kerana kos yang amat rendah.

“Zaman British dulu mereka beri ubat batuk yang berharga satu sen sebotol,” katanya.

Selain menanggung kos rawatan dan ubat, kata beliau, kerajaan perlu menanggung perbelanjaan lain terutama dalam penyediaan prasarana kesihatan di negara ini.

“Hari ini kita sedang membina 28 hospital baru yang lengkap dengan segala kemudahan terkini. Semua ini memakan belanja,” jelasnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri berkata, kemajuan sektor perubatan menyebabkan rakyat yang mengalami masalah penglihatan terutama penyakit katarak dapat dirawat dengan berkesan dan pantas.

Dengan kemajuan itu, menurutnya, golongan tua yang selama ini dikaitkan dengan penyakit katarak, dapat menyembuhkan penyakit itu dengan kos rawatan yang rendah.

“Dulu ambil masa seminggu dalam wad tetapi kini ambil sedikit masa sahaja. Paling panjang satu hari. Jadi kekurangan katil di hospital tidak lagi menjadi beban,” jelasnya.

Dr. Mahathir berkata, masalah cacat penglihatan dan buta dapat dielakkan sekiranya orang ramai bijak menjaga mata.

Katanya, antara yang mendorong kepada pertambahan bilangan orang yang cacat penglihatan ialah tidak menjaga pemakanan dan terlibat dalam kegiatan tidak berfaedah.

“Penyakit mereka boleh dirawat atau tindakan diambil awal-awal lagi. Maka mereka tidak akan menjadi cacat sedemikian,” katanya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, Wawasan 2020 sebenarnya berkait rapat dengan *vision 2020* yang menjadi ukuran kepada tahap penglihatan yang jelas oleh pengamal perubatan.

“Wawasan 2020 bermakna wawasan yang jelas. Sempurna dari segi pembangunannya,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru rakyat supaya berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai wawasan itu menjelang tahun 2020.